

**IKLAN JAWATAN SEBAGAI  
PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU'  
ORANG ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

---

Warganegara Malaysia yang tinggal tetap di dalam Negeri Pulau Pinang serta memenuhi syarat-syarat kelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Negeri Pulau Pinang.

1. a) Keperluan Jawatan : 1  
b) Pengisian Jawatan : 1  
b) Daerah Penolong: Seberang Perai Selatan  
Pendaftar
2. Deskripsi Tugas :
  - i. Bertanggungjawab dalam urusan perkahwinan bagi pemastautin yang hendak berkahwin di dalam atau di luar kawasan kariahnya.
  - ii. Mengesahkan butiran borang permohonan perkahwinan yang telah diisi oleh pemohon di dalam kawasannya sebelum dikemukakan kepada Pendaftar.
  - iii. Memperhalusi permohonan Kebenaran Berkahwin terutamanya dari segi hukum syarak.
  - iv. Menjalankan upacara akad nikah setelah mendapat kebenaran berkahwin daripada Pendaftar.
  - v. Memaklumkan kepada Pendaftar dengan kadar segera sekiranya wujud keraguan dalam perkara-perkara berhubung dengan perkahwinan, perceraian, ruju' dan majlis akad nikah.
  - vi. Memberi khidmat nasihat, pandangan dan tunjuk ajar kepada mana-mana orang atau pasangan suami isteri atau keluarga berhubung hukum hakam dan permasalahan berkaitan isu-isu rumah tangga.
  - vii. Menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dari semasa ke semasa.
3. Syarat-syarat Kelayakan :
  - 3.1 Seorang **lelaki** beragama Islam, berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan bermazhab Syafie;
  - 3.2 Berumur tidak kurang daripada 35 tahun dan tidak melebihi 60 tahun;

- 3.3 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 4 Thanawi/ Sijil Menengah Agama atau Diploma/Ijazah dalam Pengajian Islam;
- 3.4 Sihat tubuh badan dan tidak mengalami penyakit-penyakit yang menjelaskan tugas;
- 3.5 Sempurna pendengaran dan penglihatan;
- 3.6 Keutamaan diberikan kepada pemohon yang tinggal tetap di daerah jawatan Penolong Pendaftar tersebut dipohon;
- 3.7 Berhemah tinggi, berakhhlak mulia, disenangi dan sentiasa menjadi contoh kepada masyarakat setempat;
- 3.8 Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah di mana-mana Mahkamah atau diisyiharkan muflis;
- 3.9 Boleh membaca dan menulis jawi dan rumi dengan baik;
- 3.10 Mengetahui hukum Fiqh terutamanya dalam bab Munakahat;
- 3.11 Boleh membaca Al-Quran dengan baik;
- 3.12 Mendapatkan ulasan dan sokongan Pegawai Tadbir Agama Daerah dan
- 3.13 Lulus ujian kelayakan yang ditetapkan.

4. Cara Memohon :

- 4.1 Borang permohonan juga boleh didapati melalui <http://jaipp.penang.gov.my> atau di alamat berikut :-
  - i) Pengarah,  
**Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang,**  
**Lebuh Pantai,**  
**10300 PULAU PINANG.**
  - ii) Pegawai Tadbir Agama,  
**Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan,**  
**14200 Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan,**  
**Pulau Pinang.**
- 4.2 Permohonan untuk mengisi jawatan ini perlulah mendapat perakuan Pegawai Tadbir Agama Daerah berkenaan sepetimana yang tertera di dalam borang permohonan.
- 4.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta **salinan sijil-sijil yang disahkan** hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran **22sm x 32sm** dan di sudut atas sebelah kiri hendaklah ditulis **PPNCR**.

5. Catatan Am :

- 5.1 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

5.2 Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

6. Alamat Permohonan:  
Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

**Pengarah,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang  
Lebuh Pantai, 10300 Pulau Pinang  
(u.p : Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam)**

7. Tarikh tutup permohonan pada **21 JUN 2023 (RABU)**
8. Soalan-soalan temuduga berdasarkan tajuk-tajuk seperti berikut :
- a) Pernikahan,
  - b) Perceraian,
  - c) Ruju',
  - d) Wali,
  - e) Mahar,
  - f) Eddah,
  - g) I'la,
  - h) Zihar,
  - i) Pentadbiran Pernikahan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Di Negeri Pulau Pinang.



GAMBAR  
BERUKURAN  
PASSPORT

**BORANG PERMOHONAN JAWATAN PENOLONG PENDAFTAR  
PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU' ORANG ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG**

**A. MAKLUMAT PEMOHON**

<b>NAMA</b>	:								
<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	:								
<b>TARIKH LAHIR</b>	:								
<b>TEMPAT LAHIR</b>	:								
<b>TARAF PERKAHWINAN</b>	:								
<b>WARGANEGARA</b>	:								
<b>ALAMAT TEMPAT TINGGAL</b>	:								
<b>NO. TELEFON</b>	:								
<b>PENDIDIKAN</b>	:	STAM	<input type="checkbox"/>	STPM	<input type="checkbox"/>	DIPLOMA	<input type="checkbox"/>	IJAZAH	<input type="checkbox"/>
<b>Sekolah/Institusi :</b> _____									
_____									
<b>PENGALAMAN BEKERJA</b>	:								
_____									
_____									
<b>JAWATAN YANG DI SANDANG SEKARANG (Jika Ada)</b>	:								
_____									
_____									

## B. MAKLUMAT KESIHATAN

Tandakan atau nyatakan jika anda mengidap salah satu daripada penyakit berikut atau menjalani rawatan berikut:

<input type="checkbox"/>	Lelah	<input type="checkbox"/>	Sawan
<input type="checkbox"/>	Batuk Kering	<input type="checkbox"/>	Alahan
<input type="checkbox"/>	Darah Tinggi	<input type="checkbox"/>	Sakit Jiwa
<input type="checkbox"/>	Jantung	<input type="checkbox"/>	Lain-lain, nyatakan: _____
<input type="checkbox"/>	Kencing Manis		
<input type="checkbox"/>	Buah Pinggang		

Adakah anda mengambil vaksin Covid-19?

Ya  Tidak

Dos 1 : \_\_\_\_\_

Dos 2 : \_\_\_\_\_

Booster : \_\_\_\_\_

## C. AKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku butir-butir yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pemohon)

Tarikh : \_\_\_\_\_

#### **D. ULASAN PEGAWAI TADBIR AGAMA DAERAH**

---

---

---

---

(Tandatangan dan cop)

Tarikh : \_\_\_\_\_

#### **E. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Permohonan diterima pada :

\_\_\_\_\_

\*Permohonan diluluskan/tidak diluluskan

**PERHATIAN : Sila sertakan salinan kad pengenalan, sijil vaksinasi dan sijil kelulusan yang disahkan.**